

Memperkenalkan **FIRE^{PREMIER}365**

MELANGKAUI PERLINDUNGAN KEBAKARAN. INILAH PERLINDUNGAN PEMULIHAN MENYELURUH.

Insurans kebakaran standard melindungi struktur bangunan dan harta benda di dalam bangunan. **Fire Premier 365** melangkah lebih jauh dengan perlindungan yang lebih komprehensif, direka untuk memberikan ketenangan minda sepenuhnya.

Ia merupakan penyelesaian dipertingkatkan yang membantu anda pulih, membina semula dan meneruskan kehidupan dengan lebih pantas.

Pengecualian

Fire Premier 365 adalah perlindungan menyeluruh. Bagaimanapun, seperti kontrak insurans yang lain, ia mengandungi pengecualian khusus. Berikut adalah antara pengecualian utama. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

- Pengecualian penyakit berjangkit
- Pengecualian harta siber dan data
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Sekatan dan pengecualian
- Peperangan, perang saudara, serangan, kebangkitan tentera atau perampasan kuasa, pemberontakan, revolusi
- Kerugian turutan
- Pencurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran
- Gempa bumi, letusan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi lain (kecuali perluasan perlindungan ini ditambah)
- Kebakaran bawah tanah, pencemaran atau kontaminasi

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Notis Penting

- Risalah ini bukanlah kontrak insurans. Terma, pengecualian, kondisi dan definisi yang tepat bagi insurans ini dinyatakan dalam Polisi. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami ingkasan produk ini seperti yang terkandung dalam Lampiran Pemberitahuan Produk yang tersedia di www.libertyinsurance.com.my.
- Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Talian Khidmat Pelanggan
1 300 88 8990



Emel
customer@libertyinsurance.com.my



Laman Sesawang
www.libertyinsurance.com.my



Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.
P.O. Box 11228, GPO Kuala Lumpur,
50740 Kuala Lumpur, Malaysia



FIRE^{PREMIER}365



**Penyelesaian insurans
kebakaran yang direka untuk
perniagaan, kediaman dan
segala keperluan di antaranya.**

Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FIRE PREMIER 365

Satu polisi. Pelbagai perlindungan.

Sama ada anda mengendalikan sebuah kafe atau menguruskan gudang, **Fire Premier 365** adalah satu solusi yang boleh diubah suai bagi memenuhi keperluan unik anda. Tiada lagi keperluan polisi berasingan - hanya satu polisi yang fleksibel dan mudah disesuaikan, memberikan perlindungan berkualiti dan konsisten. Ini bermakna penjimatan masa, pengurangan risiko dan jalan pantas untuk kembali beroperasi untuk anda.

Fire Premier 365 direka untuk:

- Kedai runcit dan restoran
- Pejabat komersial dan gudang
- Kilang dan unit industri
- Kediaman dan hartanah sewaan
- Bangunan pelbagai guna dan perniagaan dari rumah

Produk insurans kebakaran tanpa tarif dengan ciri-ciri yang dipertingkatkan.



Perlindungan Kebakaran Dipertingkatkan



Elaun Ketidakselesaian



Sokongan Penyediaan Tuntutan



Pembaik Pulihan Sementara dan Kos Perlindungan



Perlindungan Jejak & Akses



Penyingkiran Serpihan



Pengembalian Jumlah Diinsuranskan

Bukan sekadar perlindungan kebakaran

Polisi kebakaran standard membiarkan anda menanggung sendiri kos pembersihan, kehilangan dokumen dan pembaikan kecemasan. Namun, **Fire Premier 365** tidak. Manfaat tambahan ini disertakan dalam setiap polisi: elaun tunai apabila tuntutan anda melebihi RM20,000, bantuan penyediaan dokumen tuntutan, pengalihan runtutan dan pembaikan sementara. Ini bermakna kurang perbelanjaan daripada poket anda, kurang tempoh operasi terhenti dan lebih cepat kembali beroperasi.

	Manfaat Tambahan	Apa Yang Dilindungi	Had Subsidiari (Maksima)
1	Elaun Kesulitan	Elaun kesulitan sekali bayar apabila kerugian yang sah dijangka melebihi RM20,000.	RM5,000
2	Pengesanan dan Akses	Kos yang munasabah untuk mencari dan membaik pulih punca kerosakan di premis (contoh: paip di belakang dinding yang pecah).	10% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM50,000 (yang mana lebih rendah)
3	Klausa Penyediaan Tuntutan	Kos dan perbelanjaan bagi mengekstrak dan menyusun maklumat untuk tujuan penyediaan tuntutan.	10% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM20,000 (yang mana lebih rendah)
4	Kos Pembaikan dan Perlindungan Sementara	Kos wajar untuk pembaikan sementara untuk tujuan pengkalan keselamatan dan perlindungan kepada harta yang diinsuranskan.	10% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM20,000 (yang mana lebih rendah)
5	Pengalihan Runtutan (Harta tidak diinsuranskan)	Kos wajar untuk pengalihan runtutan, penaggalan atau menaikkan sebahagian daripada harta yang tidak diinsuranskan yang musnah akibat kebakaran atau bencana yang tidak dikecualikan.	RM7,500 (mana-mana satu kejadian dan dalam agregat)
6	Lanjutan Keganasan dan Sabotaj	Melindungi kerugian fizikal atau kerosakan fizikal yang disebabkan oleh Tindakan Pengganasan atau Perbuatan Sabotaj.	10% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM1,000,000 (yang mana lebih rendah)

Sesuaikan perlindungan anda.

Walaupun **Fire Premier 365** menyediakan perlindungan menyeluruh, setiap hartanah mempunyai pendedahan yang unik. Dengan **Fire Premier 365**, anda boleh memilih daripada lebih 20 perlindungan pilihan, jadi anda hanya membayar untuk apa yang anda perlu.

- Kerugian atau Kerosakan yang disebabkan oleh Pesawat Udara
- Kebakaran Semak/Lalang
- Peralatan tangki, air atau paip air yang pecah & air melimpah keluar daripadanya
- Rusuhan Tunjuk Perasaan dan Kerosakan akibat dari niat jahat
- Kerugian atau Kerosakan Hentaman
- Kerosakan oleh Pokok yang Tumbang atau Dedahan dan Objek yang Jatuh
- Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi
- Ribut Taufan
- Banjir
- Pemasangan Elektrik Klausa B
- Letupan
- Mendapan Tanah dan Tanah Runtuh
- Kebocoran Pemancut Air
- Pembakaran Spontan
- Barangan yang sedang menjalani proses pengeringan/pemanasan
- Kerosakan dari asap
- Penyimpanan Dingin Beku / Inkubator Klausa B

Sila berunding dengan ejen atau perantara Liberty Insurance anda untuk menilai perlindungan tambahan yang sesuai dengan profil risiko hartanah anda.